

BERITA HARI INI

AKHBAR : Wilayahku

TARIKH : 24 - 30 Januari 2020

MUKA SURAT : 4

HARI : Jumaat - Khamis

RUANGAN : Berita

TAJUK : Dapatkan data, maklum balas hingga Jun ini

PKB anjur sesi libat urus bersama pemilik, pewaris tanah Kampung Baru

Dapatkan data, maklum balas hingga Jun ini

KUALA LUMPUR – Kementerian Wilayah Persekutuan meletakkan sasaran bagi mendapatkan maklumat dan data sepenuhnya mengenai maklum balas tawaran pembelian tanah Kampung Baru menjelang Jun ini.

Menterinya, Khalid Abdul Samad berkata, maklum balas berkenaan perlu bagi membolehkan pihak kerajaan membuat keputusan selain mencari langkah penyelesaian untuk membolehkan cadangan pembangunan kampung tradisi itu dilaksanakan.

"Bulan Jun ini, kita cuba dapatkan jumlah pemilik tanah yang bersetuju dengan tawaran dan cari penyelesaian bagi mereka yang tidak bersetuju dan cuba berunding kali terakhir.

"Sukar hendak laksanakan pembangunan dengan sempurna jika tanah yang diperlukan tidak diperoleh. Jadi kita sasarkan sebelum Jun ini, semua pemilik dan pewaris tanah bertemu secara terus dengan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) untuk sesi penjelasan bagi merungkai sebarang kemusyikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina di Pusat Komuniti Sentul Perdana di sini baru-baru ini.

Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Sebelum ini, Khalid mengumumkan tawaran kerajaan untuk membeli tanah daripada pemilik dan pewaris



KHALID (dua dari kanan) memberikan taklimat kepada pemilik dan pewaris tanah pada sesi libat urus bersama PKB di Kampung Baru baru-baru ini.

di Kampung Baru pada kadar harga baru RM1,000 setiap kaki persegi berbanding RM850 sebelum ini.

Berdasarkan tawaran itu, RM850 diperoleh secara tunai manakala baki RM150 berbentuk pulangan dalam pegangan saham. Bagi mereka yang memilih membeli harta tanah pula akan mendapat diskain 15 peratus.

Sementara itu, Ketua Eksekutif PKB, Zulkurnain Hassan berkata, inisiatif pihaknya mengajurkan program libat urus dengan kumpulan sasar menjadi pemudah cara untuk pihak kerajaan menangani permasalahan yang dihadapi pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru.

"Ini merupakan program libat urus secara kumpulan fokus supaya dapat berjumpa dengan semua pemilik yang belum memberikan maklum

'balas. Ada kira-kira 3,000 pemilik dan pewaris yang kita perlu jumpa dalam tempoh tiga bulan bermula 1 Januari sehingga 31 Mac.

"Setakat ini, kita telah laksanakan lebih 20 sesi dengan purata tiga kali sesi sehari, kita panggil pemilik tiga hingga empat lot untuk satu sesi melibatkan kira-kira 30 orang," katanya.

Pada sesi libat urus minggu lalu yang turut dihadiri Khalid, melibatkan 120 pemilik dan pewaris tanah di Kampung Periuk, Kampung Atas A dan Kampung Atas B membabitkan 36 lot.

Kata Zulkurnain lagi, pihaknya mengambil peluang bagi menjelaskan lebih lanjut mengenai perancangan pembangunan Kampung Baru kerana ia memerlukan sokongan daripada semua pemilik dan pewaris.